**SOALAN NO. 316**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA :** **TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**TARIKH :** **16 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz (Pasir Mas)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang dibuat bagi menurunkan kos pengasuhan kanak-kanak di negara ini.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin berkaitan dengan kos pengasuhan kanak-kanak di Negara ini. Sehubungan ini, Kerajaan telah mengambil usaha untuk membantu mengurangkan kos pengasuhan kanak-kanak seperti berikut:

**1. Geran Penubuhan TASKA Tempat Kerja Sektor Awam**

Kerajaan telah memperuntukan geran pelancaran penubuhan TASKA Di Tempat Kerja sektor awam sebanyak RM200,000.00 untuk setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan melalui Pembentangan Bajet 2010 di Dewan Rakyat oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2009.

2. **Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA Tempat Kerja Awam**

Kerajaan juga melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38, Tahun 2013 telah memberi subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang anak kepada anggota perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5000.00 sebulan.

3. **Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA Swasta**

Mulai tahun 2013 sehingga kini, pihak kerajaan telah melaksanakan pemberian subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM250.00 sebulan atau mengikut kadar sebenar yuran yang dikenakan oleh sesebuah TASKA yang berdaftar dengan JKM.

4. **Subsidi Bagi TASKA 1Malaysia**

Pada tahun 2006 kerajaan telah meluluskan penubuhan TASKA komuniti yang dinamakan TASKA Penyayang 1Malaysia bagi keperluan keluarga berpendapatan rendah mendapatkan khidmat pengasuhan kepada anak-anak di bawah empat tahun dan

menangani isu kos pengasuhan kanak-kanak yang semakin meningkat. Sehingga kini, terdapat 44 buah TASKA 1Malaysia di seluruh negara. Kerajaan telah meluluskan geran subsidi sebanyak RM180.00 sebulan kepada kanak-kanak yang ibu bapa/penjaga berpendapatan RM2,000.00 sebulan di kawasan bandar dan RM1,200.00 sebulan di kawasan luar bandar.

Kesimpulannya, Kerajaan amat perihatin dalam membantu mengurangkan kos pengasuhan kanak-kanak di negara ini. Pelbagai insentif dan pendekatan telah dilaksanakan, ianya akan diteruskan dalam usaha mengurangkan kos pengasuhan.